

Pegang anjing sebab belajar

■ 3 penuntut DPV UPM jalani latihan praktikal luar kampus sebagai syarat bergraduat

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Rakaman tiga gadis bersama anjing yang tular di media sosial sejak kelmarin disahkan sebagai penuntut kursus doktor perubatan veterinar (DPV) di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Difahamkan, ketiga-tiga penuntut berkenaan menjalani latihan praktikal luar kampus di PAWS Animal Welfare Society, Subang, Selangor ketika video mereka dirakam seorang netizen.

Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM Prof Dr Nor Kamariah Noordin berkata, latihan praktikal luar kampus selama seminggu bermula 2 hingga 8 Julai itu adalah sebahagian daripada syarat keperluan pembelajaran dan pengajaran (PdP) program DPV di UPM.

"Sepanjang lima tahun pengajian, penuntut perlu mengikuti kuliah, amali, amalan klinikal dan makmal di Hospital Pengajaran Veterinar Universiti (UVH), Makmal Diagnosis dan Taman Pertanian Universiti (TPU) di kampus UPM Serdang.

"Penuntut juga akan terbabit dengan latihan praktikal luar kampus semasa

cuti semester seawal tahun pertama pengajian sama ada dalam mahupun luar negara," katanya.

Menurutnya, semua keperluan berkenaan adalah syarat bergraduat program DPV yang dikawal oleh Majlis Veterinar Malaysia bagi memastikan graduan DPV UPM berpengetahuan, kompeten dan berkemahiran insaniah cemerlang dalam membela kebijakan serta kesihatan haiwan.

"Ini termasuk dalam merawat, mengawal dan mencegah merebaknya penyakit pada haiwan lain atau manusia serta memastikan kecukupan makanan negara berdasarkan sumber haiwan."

"Malah penuntut mesti tahu mengendalikan semua spesies haiwan, kecil atau besar seperti kucing, anjing, babi, burung, ayam, lembu, rusa, ikan dan gajah," katanya.

Beliau berkata, penuntut beragama Islam juga tidak terkecuali daripada mengendalikan pelbagai spesies haiwan itu.

"Bagaimanapun, pihak universiti sentiasa memastikan kebijakan penuntut terpelihara termasuk menyediakan kemudahan menyamak setiap kali selesai sesi latihan."

"Justeru, video berkenaan ditularkan bukan menggambarkan secara keseluru-



RAKAMAN penuntut UPM membawa anjing keluar yang tular di media sosial.

han dakwaan orang ramai (netizen) mengenai isu menyentuh anjing oleh orang Islam," katanya.

Sejak kelmarin, video berdurasi 31 saat yang mema-

parkan gelagat tiga penuntut bertudung membawa anjing 'bersiar-siar' itu tular dan heboh diperkatakan hingga dikecam teruk orang ramai.

Sementara itu, turut tular

FAKTA
Pihak universiti sedia kemudahan menyamak setiap kali selesai sesi latihan

pengaku-an se-orang le-laki men-dakwa se-bagaikan ke-

pada seorang pe-nuntut terbabit meminta ne-tizen berhenti memperka-takan isu itu.

"Untuk makluman, video itu membabitkan anak saya yang mengikuti kursus ve-terinar di UPM yang dirakam tanpa izin dan perakam ti-dak pula mengambil usaha bertanya sebelum menular-kannya."

"Sebagai penuntut dan pelatih, mereka diminta melaksanakan tugasannya se-bagaimana diperlukan da-lam kursus itu termasuk mengendalikan anjing."

"Semoga pencerahan ini dapat membantu dan mo-hon hal ini tidak dipanjang-kan dan terus ditularkan la-gi," katanya.